


Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JANUARY 2017

Dr. Mahathir bukan lagi pemimpin yang berprinsip

KUALA LUMPUR 21 Jan. - Kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pelbagai isu sejak kebelakangan ini dilihat telah mengetepikan segala pendiriannya yang dipegang selama 22 tahun ketika menjadi Perdana Menteri.

Ahli Dewan Negara, Senator Tan Sri S. Nallakaruppan berkata, ketika menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir melakukan sedaya upaya di bawah kuasanya untuk menghentikan demonstrasi Reformasi namun kini beliau pula dilihat mempertahankan perhimpunan haram Bersih.

“Dia bukan seorang yang berpegang pada prinsipnya malah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah pemimpin yang jauh lebih baik daripada beliau. Dr. Mahathir perlu membiarkan Datuk Seri Najib untuk memimpin negara ini.



S. NALLAKARUPPAN



MAHATHIR MOHAMAD

“Dr. Mahathir sepatutnya menjadi penasihat namun beliau hanya bertindak sebagai pengacau. Jangan memusnahkan rakyat dan negara. Negara kini berada dalam tangan yang baik, jadi jangan bermimpi untuk menjadi Perdana Menteri. Jika mahu menyumbang kepada negara, beliau boleh membantu menyatupadukan masyarakat Melayu,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dakwa Nallakaruppan, Dr.

Mahathir sepanjang pemerintahannya selama 22 tahun di negara ini juga pernah memenjarakan sesiapa sahaja yang membangkitkan dakwaan tentang kesalahan beliau.

Katanya, perkara itu jelas terbukti dengan beberapa timbalannya yang telah ditukar.

Dalam pada itu, Nallakaruppan berkata, sekiranya Dr. Mahathir mempunyai masalah dengan pembangunan tanah di Johor Bahru, beliau sepatutnya berjumpa dengan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar untuk mencari penyelesaian terbaik dan bukannya mengkritik dan menyalahkan semua orang.

“Malah, sebagai seorang ahli politik veteran dan bekas Perdana Menteri, beliau sepatutnya lebih mengetahuinya,” katanya.

um - 22/1/2017